


~DESTINASI PELANCONGAN~

TASIK EMPANG JALEH



- **Deskripsi :** Sebuah tasik yang menjadi tumpuan orang ramai sebagai tempat rekreasi seisi keluarga.
- **Lokasi :** Terletak di Mukim Penjom
- **Jarak :** 14 km dari Bandar Kuala Lipis
- **Aktiviti :** Berkayak, bermain golf, memancing dan berjoging. Padang Golf permainan 18 lubang dan 9 lubang
- **Akses :** Menaiki 4WD/ Berkereta

TAMAN REKREASI SG. YU



- **Deskripsi :** Sebuah hutan rekreasi yang indah lagi menyegarkan minda untuk rekreasi air dan keindahan alam semulajadi. Mempunyai kemudahan hentian yang sungguh mententeramkan.
- **Lokasi :** Terletak di Mukim Batu Yon
- **Jarak :** 90 km dari Bandar Kuala Lipis
- **Aktiviti :** Interpertasi semulajadi, Bird Watching dan mandi manda.
- **Akses :** Menaiki 4WD/ Berkereta/ Bas/Keretapi

HOMESTAY KUALA MEDANG



- **Deskripsi :** Homestay yang menawarkan pengalaman menarik dan unik dengan suasana desa yang sangat mendamaikan. Pelbagai aktiviti kampung dapat dikongsi bersama pengunjung di homestay ini.
- **Lokasi :** Terletak di Mukim Ulu Jelai
- **Jarak :** 51 km dari Bandar Kuala Lipis
- **Aktiviti :** Aktiviti dan program ala kampung yang penuh santai dan harmoni.
- **Akses :** Berkereta dan akses jalanraya yang baik.

TAMAN NEGARA PAHANG SG. RELAU




- **Deskripsi :** Alami pengalaman menyeronokkan ketika menerokai keindahan alam semulajadi serta melihat secara dekat habitat ikan di santuari kelah. Juga aktiviti *jungle trekking* di Gua Gajah & Gua Peningat.
- **Lokasi :** Terletak di Merapoh, Mukim Batu Yon.
- **Jarak :** 51 km dari Bandar Kuala Lipis
- **Aktiviti :** Jungle Trekking, Mandi manda, Resort dan aktiviti perkhemahan.
- **Akses :** Berkereta, menaiki keretapi ke Merapoh.

TAMAN RIMBA KENONG



- **Deskripsi :** Taman Rimba menajikan keindahan alam semulajadi yang mendamaikan.
- **Lokasi :** Terletak di Mukim Cheka
- **Jarak :** 32km dari Bandar Kuala Lipis
- **Aktiviti :** Jelajah gua batu kapur, perkhemahan, memancing, fotografi, berkayak, berkenu, *Bird Watching* dan keindahan alam semulajadi.
- **Akses :** Menaiki 4WD/Menaiki keretapi atau bot

LATA SERONDONG




- **Deskripsi :** Sebuah hutan lipur yang unik kerana memiliki keindahan sungai dan jeram serta dilengkapi pula dengan spesies Bunga Pakma dan kawasan persinggahan burung pelbagai jenis.
- **Lokasi :** Terletak di Hutan Simpan Bukit Taching, Mukim Tg. Besar.
- **Jarak :** 37 km dari Bandar Kuala Lipis
- **Aktiviti :** Interpertasi semulajadi, Bird Watching, mandi manda dan perkhemahan
- **Akses :** Menaiki 4WD/ Berkereta/ Bas/Keretapi

GUA BAMA



- **Deskripsi :** Gua batu kapur yang cukup sinonim di Kg. Relong dan dapat dilihat dengan jelas dari jalanraya menuju ke Padang Tengku. Gua yang mempunyai keunikan dan cerita yang tersendiri.
- **Lokasi :** Terletak berhampiran Kg. Relong Mukim Telang
- **Jarak :** 15 km dari Bandar Kuala Lipis
- **Aktiviti :** Penerokaan gua batu kapur, rock climbing dan perkhemahan.
- **Akses :** Berkereta dan akses jalanraya yang baik.

HUTAN LIPUR TERENGGUN



- **Deskripsi :** Hutan lipur Eko Lancong yang terletak berhampiran Bandar Kuala Lipis. Mempunyai tasik semulajadi yang indah dan sering menjadi tumpuan pemancing ke sini.
- **Lokasi :** Terletak di Mukim Penjom
- **Jarak :** 7 km dari Bandar Kuala Lipis
- **Aktiviti :** Memancing, taman permainan, beriadah dan refleksiologi yang menenangkan.
- **Akses :** Berkereta dan akses jalanraya yang baik.